

NO. SOALAN: 391

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN JULIAN TAN KOK
PING [STAMPIN]**

TARIKH :

RUJUKAN : 10132

SOALAN :

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan langkah-langkah kerajaan dalam mengatasi operasi penipuan ataupun 'scam' yang begitu berleluasa di Malaysia. Senaraikan dari tahun 2010, jumlah kerugian yang dialami oleh pengguna mengikut negeri-negeri berbanding jumlah wang yang berjaya dikembalikan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Statistik keseluruhan jumlah kes penipuan dan kerugian kepada mangsa yang dilaporkan dari tahun 2010 hingga Jun 2017 mengikut negeri adalah seperti berikut:

NEGERI	2010		2011		2012		2013	
	KES	KERUGIAN (RM)	KES	KERUGIAN (RM)	KES	KERUGIAN (RM)	KES	KERUGIAN (RM)
PERLIS	52	468,468.85	91	675,706.46	94	1,006,705.70	110	662,476.84
KEDAH	327	2,891,953.74	369	4,233,368.88	312	3,401,659.69	294	4,588,225.70
P.PINANG	474	12,392,148.69	464	9,747,236.60	371	8,335,635.43	339	7,894,470.04
PERAK	643	7,605,778.18	632	14,531,626.52	492	17,806,030.47	526	2,0681,384.89
SELANGOR	1973	25,953,825.16	1672	38,079,179.22	1158	169,173,145.70	1166	53,312,426.52
K. LUMPUR	887	53,479,711.78	1025	102,379,513.70	762	116,060,479.60	623	108,592,622.41
N.SEMBILAN	401	11,444,341.47	345	6,374,818.77	301	7,689,548.20	239	4,908,658.24
MELAKA	402	3,687,186.30	283	9,796,613.96	310	6,093,298.61	460	7,195,060.91
JOHOR	1300	16,859,169.65	1023	43,415,635.48	1002	23,153,299.75	1138	22,913,417.09
PAHANG	324	4,835,998.94	414	9,460,538.38	346	9,438,827.80	437	10,016,013.05
TERENGGANU	329	6,066,523.56	337	2,744,509.54	211	3,028,438.66	204	3,327,327.33
KELANTAN	223	2,631,599.12	226	2,146,912.17	140	6,816,000.66	152	3,153,976.88
SABAH	287	8,335,067.08	285	50,429,713.83	384	31,224,509.79	342	10,900,654.75
SARAWAK	256	4,277,766.63	197	1,288,272.62	297	6,078,518.46	228	9,152,122.66
JUMLAH	7878	160,929,539.15	7363	295,303,646.11	6180	409,306,098.52	6258	267,298,837.31

NEGERI	2014		2015		2016		2017 (JAN-JUN)	
	KES	KERUGIAN (RM)	KES	KERUGIAN (RM)	KES	KERUGIAN (RM)	KES	KERUGIAN (RM)
PERLIS	57	1,113,919.16	59	1,093,908.75	150	1,224,073.94	80	453,717.90
KEDAH	166	6,490,047.43	280	7,144,047.87	605	8,003,260.30	474	10,369,544.36
P.PINANG	172	7,031,386.46	355	12,301,711.82	680	27,220,516.34	527	28,862,164.63
PERAK	581	14,045,387.00	599	9,237,755.06	857	19,954,420.58	719	11,954,633.73
SELANGOR	1571	59,143,993.92	1825	78,862,049.27	3367	183,619,712.91	1988	88,764,967.50
K. LUMPUR	737	94,420,362.88	1035	155,135,434.07	2022	87,496,840.80	870	75,864,075.82
N.SEMBILAN	219	16,513,996.97	399	14,156,234.18	644	16,518,207.11	581	8,667,461.11
MELAKA	246	7,008,240.50	330	11,872,835.81	771	20,218,431.73	627	4,668,317.49
JOHOR	653	11,045,904.19	1182	29,308,054.27	1719	30,125,237.11	1160	51,803,876.99
PAHANG	373	5,848,298.85	320	5,737,880.00	611	14,431,626.54	386	27,209,219.25
TERENGGANU	204	4,462,998.69	248	4,461,899.76	318	9,966,535.75	198	2,937,264.38
KELANTAN	274	7,172,563.62	211	5,072,188.41	433	6,666,768.90	187	2,807,841.16
SABAH	301	48,688,557.70	420	166,536,703.17	519	13,297,871.33	547	5,596,977.41
SARAWAK	79	5,073,202.73	194	6,022,177.46	453	21,856,508.10	381	11,525,080.62
JUMLAH	5633	288,058,860.10	7457	506,942,879.90	13149	460,600,011.44	8725	331,485,142.35

Antara usaha yang dilaksanakan oleh PDRM adalah dengan meningkatkan penguatkuasaan undang-undang untuk mengesan, menangkap dan seterusnya mendakwa individu atau sindiket yang merancang atau melakukan jenayah penipuan. Siasatan juga turut dibuat di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA) 2001. Selain

itu, tindakan pencegahan turut diambil di bawah Akta Pencegahan Jenayah (POCA).

Selain tindakan penguatkuasaan undang-undang yang lebih agresif, pihak PDRM juga menjalankan kempen-kempen kesedaran kepada masyarakat supaya tidak mudah percaya, tidak tamak, sentiasa teliti dan cermat, berfikiran tenang serta membuat semakan dan pengesahan sebelum mengambil sesuatu keputusan supaya tidak menjadi mangsa jenayah penipuan.